- 3 Buka Windows Media Player untuk menyegerakkan fail muzik.
- 4 Edit atau masukkan nama peranti anda dalam tettingkap timbul (jika perlu).
- 5 Pilih dan seret fail muzik yang anda inginkan kepada senarai penyegerakan.
- 6 Mulakan penyegerakan.
 - Keperluan berikut mestilah dipenuhi untuk menyegerak dengan Windows Media Player.


Item	Keperluan
OS	Microsoft Windows XP SP2, Vista atau lebih tinggi
Versi Windows Media Player	Windows Media Player 10 atau lebih tinggi

- Jika versi Windows Media Player lebih rendah daripada 10, pasang versi 10 atau lebih tinggi.



Panggilan

Membuat panggilan

- 1 Ketik  untuk membuka pad kekunci.
- 2 Masukkan nombor menggunakan pad kekunci. Untuk memadam satu digit, ketik .
- 3 Ketik  untuk membuat panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, ketik ikon **Tamat** .




PETUA! Untuk memasukkan “+” ketika membuat panggilan antarabangsa, sentuh dan tahan .

Membuat panggilan kepada kenalan anda

- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Tatal melalui senarai kenalan atau masukkan huruf pertama kenalan yang anda ingin panggil dengan mengetik **Cari kenalan**.
- 3 Dalam senarai, ketik  yang ingin anda hubungi.

Menjawab dan Menolak Panggilan

Apabila skrin dikunci/dibuka kunci

- Leret  dalam mana-mana arah untuk menjawab panggilan masuk.
- Leret  dalam mana-mana arah untuk menolak panggilan masuk.
- Leret  jika anda ingin menghantar mesej.






PETUA! Tidak menerima dengan

Anda boleh menghantar mesej dengan cepat menggunakan fungsi ini. Ini berguna jika anda perlu menolak panggilan dengan mesej semasa mesyuarat.

Melaraskan volum panggilan masuk

Untuk melaraskan volum panggilan masuk semasa panggilan, gunakan kekunci Volum Ke Atas dan Bawah pada bahagian belakang telefon.

Membuat panggilan kedua

- 1 Semasa panggilan pertama anda, ketik **Kekunci Menu**  > **Tambah panggilan** dan dail nombor tersebut. Anda juga boleh melihat senarai nombor telefon yang didail baru-baru ini dengan mengetik **Log panggilan** atau mencari kenalan dengan mengetik **Kenalan** dan memilih kenalan yang ingin anda hubungi. Selain itu, anda boleh mencari kenalan dengan mengetik **Kegegaran** atau **Kumpulan**.
- 2 Ketik  untuk membuat panggilan.
- 3 Kedua-dua panggilan akan dipaparkan pada skrin panggilan. Panggilan pertama anda akan dikunci dan ditunda.
- 4 Ketik nombor yang dipaparkan untuk beralih antara panggilan. Atau ketik  **Gabungkan panggilan** untuk memulakan panggilan persidangan.
- 5 Untuk menamatkan panggilan aktif, ketik **Tamat** atau ketik  dan luncurkan bar pemberitahuan ke bawah dan pilih ikon **Tamat panggilan** .

NOTA: anda akan dikenakan bayaran bagi setiap panggilan yang anda buat.


Melihat log panggilan anda

Pada Skrin utama, ketik  dan pilih **Log panggilan**.

Lihat senarai lengkap bagi semua panggilan didail, diterima dan tidak dijawab.

Panggilan

PETUA!

- Ketik mana-mana entri log untuk melihat tarikh, masa dan tempoh panggilan.
- Ketik **Kekunci Menu** , kemudian ketik **Padam semua** untuk memadam semua item yang direkodkan atau ketik **Padam** untuk memadam item individu.

Tetapan panggilan


Anda boleh mengkonfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, selain ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

- 1 Dari Skrin utama, ketik .
- 2 Ketik .
- 3 Ketik **Tetapan panggilan** dan pilih pilihan yang hendak anda laraskan.


Kenalan

Tambah kenalan pada telefon anda dan segerakkannya dengan kenalan dalam Akaun Google anda atau akaun lain yang menyokong penyegerakan kenalan.

Mencari kenalan

- 1 Dari Skrin utama, ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik **Cari kenalan** dan masukkan nama kenalan. Anda juga boleh menatal bar abjad di sepanjang sebelah kanan skrin.


Tambah Kenalan Baru

- 1 Dari Skrin utama, ketik  dan masukkan nombor kenalan baru, kemudian ketik **Kenalan baru** atau **Kemaskini kenalan**.
- 2 Jika anda ingin menambah gambar pada kenalan baru, ketik kawasan imej. Pilih daripada **Ambil gambar** atau **Pilih dari galeri**.
- 3 Ketik kategori maklumat kenalan dan masukkan butiran mengenai kenalan anda.
- 4 Ketik **Simpan**.

Kenalan kegemaran


Anda boleh mengelaskan kenalan yang kerap dipanggil sebagai kegemaran.

Menambah kenalan pada kegemaran anda



- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Ketik bintang di penjuru kanan nama kenalan. Bintang akan bertukar menjadi kuning.

Kenalan

Untuk mengeluarkan kenalan daripada senarai kegemaran anda

- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik tab **Kegemaran** dan pilih kenalan untuk melihat butirannya.
- 3 Ketik bintang berwarna kuning di penjuru kanan nama kenalan. Bintang kembali kelabu dan kenalan ini dikeluarkan daripada kegemaran anda.

Mencipta kumpulan



- 1 Ketik  untuk membuka kenalan anda.
- 2 Ketik **Kumpulan** dan ketik **Kekunci Menu** . Pilih **Kumpulan baru**.
- 3 Masukkan nama untuk kumpulan baru. Anda juga boleh menetapkan nada dering untuk kumpulan yang baru dicipta.
- 4 Ketik **Simpan** untuk menyimpan kumpulan tersebut.

NOTA: Jika anda memadam kumpulan, kenalan yang dimasukkan kepada kumpulan itu tidak akan hilang. Mereka akan kekal dalam kenalan anda.


Mesej


Telefon anda menggabungkan mesej teks dengan mesej multimedia dalam satu menu intuitif yang mudah digunakan.

Menghantar mesej

- 1 Ketik  pada Skrin utama dan ketik  untuk membuka mesej kosong.
- 2 Masukkan nama kenalan atau nombor panggilan dalam medan **Hingga**. Setelah anda memasukkan nama kenalan, kenalan yang sepadan akan muncul. Anda boleh mengetik penerima yang dicadangkan. Anda boleh menambahkan lebih daripada satu kenalan.

NOTA: Anda akan dikenakan caj bagi setiap orang yang dihantar mesej teks tersebut.

- 3 Ketik medan teks dan mula mengarang mesej anda.
- 4 Ketik  untuk membuka menu Pilihan. Pilih daripada **Mesej segera**, **Memasukkan senyuman**, **Penghantaran dijadual**, **Tambah subjek** dan **Buang**.

PETUA! Anda boleh ketik ikon  untuk melampirkan fail yang anda ingin kongsi bersama mesej.

- 5 Ketik **Hantar** untuk menghantar mesej anda.
- 6 Maklum balas akan muncul pada skrin. Semasa anda melihat dan menghantar mesej tambahan, urutan mesej akan diwujudkan.

AMARAN:

- Had 160 aksara mungkin berbeza dari negara ke negara bergantung kepada bahasa dan cara mesej teks dikodkan.
- Jika fail imej, video atau audio ditambah pada mesej teks, fail ini akan secara automatik ditukar menjadi mesej multimedia dan akan dikenakan bayaran sewajarnya.

Mod paparan

Mesej belum dibaca terletak di bahagian atas. Mesej lain yang ditukar dengan pihak lain dipaparkan dalam urutan dan turutan kronologi agar anda boleh melihat gambaran keseluruhan perbualan anda dengan mudah.

Menukar tetapan mesej anda

Tetapan mesej telefon anda dipratentukan supaya anda boleh menghantar mesej dengan serta-merta. Anda boleh menukar tetapan ini mengikut keutamaan anda.

- Ketik ikon **Mesej** pada skrin utama, ketik  lalu ketik **Tetapan**.

E-mel

Anda boleh menggunakan aplikasi E-mel untuk membaca e-mel dari perkhidmatan seperti Gmail. Aplikasi E-mel menyokong jenis akaun berikut: POP3, IMAP dan Exchange.

Penyedia perkhidmatan atau pentadbir sistem anda akan dapat menyediakan tetapan akaun yang anda perlukan.

Menguruskan akaun e-mel

Kali pertama anda membuka aplikasi **E-mel**, wizard persediaan akan terbuka untuk membantu anda menyediakan akaun e-mel.

Selepas persediaan awal, E-mel akan memaparkan kandungan peti masuk anda.

Untuk menambah satu lagi akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mel** > ketik  > **Tetapan** >  **Tambah akaun**.

Untuk menukar tetapan akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mel** > ketik  > **Tetapan** > **Tetapan Umum**.

Untuk mematikan akaun e-mel:

- Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mel** > ketik  > **Tetapan** > ketik  > **Keluarkan akaun** > Pilih akaun untuk padam > **Buang** > pilih **Ya**.





Menggunakan folder akaun

Ketik  >  > tab **Apl** > **E-mel** > ketik  dan pilih **Folders**.

Setiap akaun mempunyai folder Peti Masuk, Peti keluar, Dihantar dan Draf. Bergantung pada ciri-ciri yang disokong oleh penyedia perkhidmatan akaun anda, anda boleh mempunyai folder tambahan.

Mengarang dan menghantar e-mel

Untuk mengubah dan menghantar mesej

- 1 Semasa dalam aplikasi **E-mel**, ketik .
- 2 Masukkan alamat penerima mesej. Sambil anda memasukkan teks, alamat sepadan akan dicadangkan daripada Kenalan anda. Pisahkan berbilang alamat dengan tanda koma bertitik.
- 3 Ketik  untuk menambah Sk/Skt dan ketik  untuk melampirkan fail, jika diperlukan.
- 4 Masukkan teks bagi mesej.
- 5 Ketik .

PETUA! Apabila e-mel baru sampai ke dalam Peti masuk, anda akan menerima pemberitahuan bunyi atau getaran.

Kamera dan Video



Anda boleh menggunakan kamera atau kamkoder untuk mengambil dan berkongsi gambar dan video.

Untuk membuka aplikasi Kamera

Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Kamera** .

ATAU

Ketik ikon **Kamera**  daripada skrin Utama.

PETUA! Jika anda telah menetapkan telefon anda untuk menggunakan kaedah buka kunci Leret, hanya tekan Kekunci Kuasa/Kunci daripada skrin berkunci , pada belakang telefon, kemudian seretkan ikon Kamera  ke atas untuk membuka aplikasi Kamera.

Mengenali pencari pandangan



- 1 Ikon Menu** – Ketik untuk memaparkan menu tetapan Kamera. Tekan sekali lagi untuk menyembunyikan ikon Menu.
- 2 Flash** – Ketik untuk menjadikan flash **Pada, Mati** atau tetapkannya kepada **Auto**.

Kamera dan Video

- 3 Tukar kamera** – Ketik untuk menukar antara kanta kamera belakang dan kanta kamera depan.
- 4 Mod** – Mod untuk memilih mod daripada **Auto** dan **Panorama**.
- 5 Tetapan** – Ketik untuk melaraskan tetapan kamera dan video berikut.
- 6 Galeri** – Ketik untuk mengakses Galeri anda.
- 7 Butang Rakaman Video** – Ketik untuk mula merakam video.
- 8 Butang Tangkap** – Ketik untuk mengambil gambar.
- 9 Butang Kembali** – Ketik untuk keluar dari aplikasi Kamera.

Ambil Gambar

Mengambil gambar dengan kamera telefon anda yang terbina dalam adalah semudah memilih subjek, menghalakan kanta dan menekan butang.

Untuk mengambil gambar

- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Kamera** .
- 2 Masukkan subjek anda dalam bingkai pada skrin.
- 3 Petak di sekeliling subjek menunjukkan kamera telah memfokus.
- 4 Ketik  untuk mengambil foto. Gambar anda akan disimpan secara automatik ke Galeri.


Rakam Video



Selain daripada mengambil gambar, anda juga boleh merakam, melihat dan menghantar video dengan kamera video telefon anda yang terbina dalam.

Untuk merakam video

- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Kamera** .
- 2 Masukkan subjek anda dalam bingkai pada skrin.
- 3 Ketik  untuk mula merakam video.

4 Panjang rakaman dipaparkan pada atas skrin.

NOTA: Ketik  untuk mengambil gambar semasa merakam video.


5 Ketik  untuk menjeda rakaman video. Anda boleh menyambung rakaman dengan mengetik .

ATAU

6 Ketik  untuk menghentikan rakaman. Video anda akan disimpan secara automatik ke Galeri.

Tetapan Kamera dan Video

Daripada mod kamera, ketik setiap ikon untuk melaraskan tetapan kamera yang berikut.



- **Flash** : Ketik untuk menjadikan flash **Pada, Mati** atau menetapkannya kepada **Auto**.
- **Tukar kamera** : Untuk menukar antara kanta kamera belakang dan kanta kamera depan.
- **Mod** : Mod untuk memilih mod daripada **Auto** dan **Panorama**.
 - ▶ **Auto**: Menangkap syot foto auto.
 - ▶ **Panorama**: Membentuk foto lebar dengan pandangan panorama. Pegang telefon secara mendatar, tekan pengatup untuk mula menyorot kamera merentas pemandangan secara perlahan-lahan.
- **Tetapan** : Untuk melaraskan tetapan kamera dan video berikut.
 - ▶ **Saiz imej**: Tetapkan saiz gambar anda. Pilih daripada **13M (4160x3120)**, **W10M (4160x2336)**, **9M (3120x3120)** atau **3M (2048x1536)**. Tetapkan saiz video anda. Pilih daripada **FHD (1920x1080)** atau **HD (1280x720)**.
 - ▶ **Pengatup keju**: membenarkan anda mengambil gambar dengan perintah suara. Apabila dihidupkan, anda hanya perlu menyebut "Cheese", "Smile", "Whisky", "Kimchi", atau "LG" untuk mengambil gambar.

Kamera dan Video

- ▶ **Pemasa:** Tetapkan pemasa kamera anda. Ini sangat sesuai jika anda juga mahu bergambar sama.
- ▶ **Grid:** Ciri ini mudah digunakan untuk mengambil gambar yang lebih baik dengan panduan mendatar dan menegak.
- ▶ **Kad SD:** Tetapkan lokasi simpanan gambar anda. Pilih daripada **IN** atau **SD**. Menu ini dipaparkan hanya apabila kad SD dimasukkan.
- ▶ **Bantuan:** Membenarkan anda mempelajari cara sesuatu fungsi beroperasi. Ikon ini menyediakan panduan ringkas untuk anda.


Syot gerak isyarat

Ambil gambar menggunakan gerak isyarat tangan. Untuk mengambil foto, angkat tangan anda sehingga kamera depan mengesannya dan satu kotak muncul pada skrin.



Tukar kamera

Heret untuk menukar antara kamera belakang dan kamera depan.



Lihat Gambar Anda


Galeri adalah tempat anda boleh mengakses Galeri imej kamera yang disimpan. Anda boleh melihatnya dalam bentuk pertunjukan slaid, berkongsinya dengan rakan-rakan anda dan memadam atau mengeditnya.

- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Galeri** .
- 2 Pilih lokasi dan ketik imej untuk melihat gambar anda.




Fungsi

QuickMemo+

QuickMemo+ membolehkan anda mencipta memo dan menangkap syot layar. Tangkap skrin, lukis di atasnya dan kongsi bersama keluarga dan rakan anda dengan QuickMemo+.



ATAU






- 1 (Semasa skrin dimatikan) Tekan dan tahan Kekunci Volum Ke Atas.

ATAU

Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah dan ketik .

- 2 Pilih pilihan menu yang diinginkan dari **Jenis pen, Warna, Pemadam** dan reka memo.









- 3 Ketik  dalam menu Edit untuk menyimpan memo dengan skrin semasa. Untuk keluar daripada QuickMemo+ pada bila-bila masa, ketik .

NOTA: Sila gunakan hujung jari anda semasa menggunakan QuickMemo+. Jangan gunakan kuku jari anda.

Menggunakan pilihan QuickMemo+

Anda boleh menggunakan alat mengedit apabila menggunakan QuickMemo+.

	Buat asal atau Buat semula.
	Gunakan fungsi konsep kompleks.
	Pilih jenis pen dan warna.
	Padamkan memo yang telah anda cipta.
	Menyimpan memo dengan skrin semasa dalam Galeri atau QuickMemo+ .
	Pilihan: Ketik untuk memilih Kongsi , Gaya kertas untuk memo.

Melihat QuickMemo+ yang disimpan


Dari Skrin utama, ketik  > **QuickMemo+**.

Atau ketik **Galeri** dan pilih album **QuickMemo+**.

Fungsi

QSlide

Daripada mana-mana skrin, bukakan tettingkap notepad, kalendar, dan sebagainya di dalam skrin anda.



1		Ketik untuk keluar dari QSlide dan kembali kepada tettingkap penuh.
2		Ketik untuk melaraskan kelutsinaran.
3		Ketik untuk menamatkan QSlide.
4		Ketik untuk melaraskan saiznya.

- 1 Sentuh dan luncurkan bar status ke bawah > ketik QSLIDE APLIKASI atau sambil menggunakan aplikasi yang menyokong QSlide > ketik . Fungsi ini dipaparkan secara berterusan sebagai tettingkap kecil pada skrin anda.
- 2 Anda boleh membuat panggilan, melayari Web atau memilih pilihan telefon yang lain. Anda boleh juga mengguna dan mengetik skrin di bawah tettingkap kecil apabila bar kelutsinaran tidak penuh .

NOTA: QSlide boleh menyokong sehingga dua tettingkap pada masa yang sama.

Peel Smart Remote

Alat Kawalan Jauh Peel menukar telefon anda menjadi Alat Kawalan Jauh Universal untuk TV rumah, dan kotak atas set anda.

NOTA: Alat Kawalan Jauh Peel mungkin tidak tersedia untuk sesetengah peranti.

Untuk membuka aplikasi Alat Kawalan Jauh Peel

- 1 Dari Skrin utama, ketik  >  **Peel Smart Remote**.
- 2 Pilih negara atau rantau, kemudian pilih bilik untuk disediakan dan ketik **Selesai**.
- 3 Pilih perkhidmatan TV anda, kemudian ikut arahan pada skrin.

Untuk menyediakan Alat Kawalan Jauh Peel anda

- 1 Dari Skrin utama, ketik  >  **Peel Smart Remote**.
- 2 Ketik **Alat Kawalan jauh Universal** , kemudian ketik **Teruskan**.
- 3 Pilih jenama peranti kemudian ikuti arahan pada skrin untuk mengkonfigurasi peranti.

Menggunakan Alat Kawalan Jauh Peel

- 1 Dari Skrin utama, ketik  >  **Peel Smart Remote**.
- 2 Ketik **Alat Kawalan jauh Universal** , kemudian ketik  untuk memilih kawalan jauh yang anda inginkan.
- 3 Ketik butang pada alat kawalan jauh yang dipaparkan.

NOTA: Alat Kawalan Jauh Peel berfungsi dengan cara yang sama seperti isyarat inframerah (IR) kawalan jauh biasa. Berhati-hati supaya tidak menutup sensor di bahagian atas telefon apabila anda menggunakan fungsi Alat Kawalan Jauh Peel. Fungsi ini mungkin tidak disokong, bergantung pada model, pengilang atau syarikat perkhidmatan.







Dwi Tetingkap

Fungsi Dwi tetingkap membolehkan anda membahagikan skrin untuk melihat dua aplikasi pada masa yang sama. Untuk menggunakan fungsi ini, aktifkannya dalam menu Tetapan.

Untuk mengaktifkan fungsi Dwi Tetingkap

- 1 Dari Skrin utama, ketik  tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Umum** > **Dwi Tetingkap**.
- 2 Ketik suis Dwi tetingkap untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan.




Untuk membuka dan menggunakan fungsi Dwi Tetingkap

- 1 Sentuh dan tahan **Kekunci Kembali**  untuk memulakan fungsi Dwi tetingkap.
- 2 Ketik atau seret ikon aplikasi yang anda ingin gunakan. Aplikasi pertama anda ketik terbuka dalam tetingkap di bahagian atas skrin. Aplikasi kedua dibuka di tetingkap sebelah bawah.
- 3 Ketik tetingkap untuk memilih dan menggunakannya.
 - ▶ Kotak biru muncul di sekitar tetingkap yang dipilih dengan pemegang biru separuh bulatan antara tetingkap.
 - ▶ Seret pemegang biru untuk mengubah saiz tetingkap (satu lebih besar dan satu lagi lebih kecil).
- 4 Tekan pemegang biru  untuk mengakses pilihan Dwi tetingkap.
 - ▶ Ketik ikon **Tukar**  untuk menukar kedudukan aplikasi.
 - ▶ Ketik ikon **Lihat senarai aplikasi**  bagi memaparkan semula senarai aplikasi supaya anda boleh menukar aplikasi untuk tetingkap yang dipilih.
 - ▶ Ketik ikon **Skrin penuh**  untuk membuka aplikasi yang dipilih dalam paparan skrin penuh.
 - ▶ Ketik ikon **Tutup**  untuk menutup tetingkap yang dipilih.


LG SmartWorld

LG SmartWorld menawarkan pelbagai kandungan menarik – fon, tema, permainan, aplikasi.

Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** > ketik ikon  untuk mengakses **LG SmartWorld**.
 - 2 Ketik Log masuk dan masukkan ID/Kata Laluan untuk LG SmartWorld. Jika anda belum lagi mendaftar, ketik Daftar untuk mendapatkan keahlian LG SmartWorld.
 - 3 Muat turun kandungan yang anda kehendaki.
- * Apabila anda menggunakan rangkaian Selular, yuran data boleh dicaj mengikut pelan data yang anda daftarkan dengan pembawa.
- * LG SmartWorld mungkin tidak disediakan oleh semua pembawa rangkaian atau di semua negara.

NOTA: Bagaimana jika ikon tiada?

- 1 Dengan menggunakan penyemak imbas Web mudah alih, akses LG SmartWorld (www.lgworld.com) dan pilih negara anda.
- 2 Muat turun Aplikasi LG SmartWorld.
- 3 Jalankan dan pasang fail yang dimuat turun.
- 4 Akses LG SmartWorld dengan mengetik ikon .

Manfaat istimewa hanya dalam LG SmartWorld

- 1 Hiasi Telefon pintar mengikut gaya anda sendiri, Gunakan Tema Utama & Tema Papan Kekunci & Fon yang disediakan di LG SmartWorld. (Walau bagaimanapun perkhidmatan ini tersedia untuk peranti tertentu. sila log masuk laman web LG SmartWorld sama ada ia boleh dilaksanakan atau tidak)
- 2 Nikmati perkhidmatan istimewa LG SmartWorld dengan menyertai promosi yang disediakan secara konsisten.

Galeri



Buka aplikasi **Galeri** untuk menonton album gambar dan video anda.

Untuk membuka aplikasi Galeri

- Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Galeri** .

Melihat album anda

Aplikasi **Galeri** memaparkan gambar dan video dalam telefon anda, termasuklah yang anda telah tangkap dengan aplikasi **Kamera** dan yang anda telah muat turun daripada web atau lokasi lain.

- Ketik **Kekunci Menu**  (pada sudut kanan atas skrin) untuk mengakses **Album baru, Padam, Tunjuk/Sembunyi album** dan **Tetapan**.
- Ketik **ikon Kamera**  untuk kembali kepada aplikasi Kamera.
- Ketik album untuk membukanya dan melihat kandungannya.
- Ketik gambar atau video dalam album untuk melihatnya.

Untuk berkongsi album

Anda boleh berkongsi keseluruhan kandungan satu atau lebih album, atau satu-satu imej atau video daripada album.


- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Galeri** .
- 2 Ketik dan tahan album yang diinginkan, ketik **Kongsi**, pilih aplikasi yang digunakan untuk berkongsi imej anda, kemudian lengkapkan kaedah penghantaran selagi perlu.

Bekerja dengan foto

Gunakan aplikasi **Galeri** untuk melihat gambar yang anda telah ambil dengan aplikasi **Kamera**, dimuat turun.

Untuk melihat foto.

- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Galeri** .
- 2 Buka album dan ketik gambar.

- 3 Ketik **Kekunci Menu**  (pada sudut kanan atas skrin) untuk mengakses **Tetapkan imej sebagai, Pindah, Salin, Salin ke Klip dulang, Pertunjukan slaid, Putar Kiri, Putar Kanan, Kerat, Tambah/Keluarkan lokasi, Namakan semula, Cetak**, atau **Butiran**.

Ikona Mod Kamera

Ketik di sini untuk pergi ke mod kamera.

Ikona Galeri

Ketik di sini untuk kembali ke Galeri anda.

Ikona Kegemaran

Ketik di sini untuk menetapkan gambar pada folder Kegemaran anda.

Ikona Edit

Ketik di sini untuk mengedit gambar anda.

Ikona Kongsi


Ketik di sini untuk berkongsi foto menggunakan kaedah yang anda pilih.

Ikona Padam

Ketik di sini untuk memadamkan foto.

Leret secara mendatar untuk menatal foto dalam album semasa.


Leret di sini untuk menatal dengan pantas imej dalam album, kemudian ketik yang anda ingin lihat.






Menggunakan video


Galeri adalah tempat anda boleh mengakses Galeri imej video yang disimpan. Anda boleh melihatnya, berkongsinya dengan rakan-rakan anda dan memadam atau mengeditnya.



Untuk melihat video

- 1 Dari Skrin utama, ketik **Kekunci Apl**  > **Galeri**  untuk melihat video yang disimpan dalam simpanan.
- 2 Ketik album untuk membukanya dan melihat kandungannya.
- 3 Ketik video untuk melihatnya. Anda boleh mengakses pilihan berikut:
 - ▶ **★ Kegemaran:** Ketik untuk menetapkan video pada folder Kegemaran anda.

Multimedia

- ▶  **QSlide:** Mendayakan tindihan di atas paparan telefon anda untuk melakukan berbilang tugasan dengan mudah.
- ▶  **Menu:** Ketik untuk mengakses pilihan Screen Ratio, Sari kata, Kongsi, Tetapan, Butiran.
- ▶  **Tangkapan Skrin:** Menangkap syot skrin semasa memainkan video.

NOTA: Ketik  > **Tetapan** > **Syot skrin** dihidupkan.



- ▶  **Volum:** Ketik untuk memaparkan bar gelangsar Volum, kemudian laraskan volum main balik di bar gelangsar.
- ▶  **Kunci/Buka Kunci:** Mengunci kekunci sentuh untuk menghalang sentuhan tidak sengaja.

NOTA:

- Semasa video dimainkan, luncurkan bahagian kiri skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan kecerahan skrin.
- Semasa video dimainkan, luncurkan bahagian kanan skrin ke atas atau ke bawah untuk melaraskan bunyi.
- Semasa memainkan video, luncurkan jari anda dari kiri ke kanan (atau sebaliknya) untuk ke hadapan atau putar balik semula.
- Jangan tekan terlalu kuat; skrin sentuh cukup sensitif untuk mengesan sentuhan yang ringan tetap kukuh.

QSlide semasa memainkan video

Anda boleh memainkan video dalam tettingkap QSlide yang membolehkan anda menggunakan aplikasi lain semasa video sedang dimainkan.

- 1 Buka aplikasi **Galeri** dan mula memainkan video.
- 2 Ketik ikon **QSlide**  di sudut kanan atas skrin untuk mengaktifkan ciri QSlide untuk memainkan video dalam tettingkap QSlide.
- 3 Untuk menutup tettingkap QSlide, ketik  di sudut kanan atas bar tajuk.

Muzik

Telefon anda mempunyai pemain muzik terbina dalam yang membolehkan anda memainkan semua muzik kegemaran anda. Untuk mengakses pemain muzik, ketik

 >  > tab **Apl** >  **Muzik**.

Tambah fail muzik pada telefon anda

Mulakan dengan memindahkan fail muzik ke telefon anda:

- Pindahkan muzik menggunakan Peranti media (MTP).
- Muat turun dari Web tanpa wayar.
- Segerakkan telefon anda kepada komputer.
- Terima fail melalui Bluetooth.

Pindahkan muzik menggunakan Peranti media (MTP)

- 1 Sambungkan telefon ke PC anda menggunakan kabel USB.
- 2 Pilih pilihan **Peranti media (MTP)**. Telefon anda akan kelihatan sebagai pemacu keras yang lain pada komputer anda. Klik pada pemacu keras ini untuk melihatnya. Salin fail dari PC anda ke dalam folder pemacu.
- 3 Apabila anda telah selesai memindahkan fail, leret ke bawah pada Bar Status dan ketik **Peranti media (MTP)** > **Cas telefon**. Anda kini boleh menanggalkan plag peranti anda dengan selamat.

Memainkan lagu

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Muzik**.
- 2 Ketik **Lagu**.
- 3 Pilih lagu yang anda mahu mainkan.












Ketik untuk menjeda main balik.



Ketik untuk meneruskan main balik.

Multimedia

	Ketik untuk melangkaui ke lagu seterusnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk mara cepat.
	Ketik untuk memulakan semula lagu semasa atau melangkaui ke lagu sebelumnya dalam album, senarai main atau kocok. Sentuh dan tahan untuk putar semula.
	Ketik untuk memaparkan bar gelangsar Volum, kemudian laraskan volum main balik di bar gelangsar.
	Ketik untuk menetapkan kesan audio.
	Ketik untuk memainkan senarai main semasa dalam mod kocok (lagu dimainkan dalam susunan rawak).
	Ketik untuk menogol melalui mod ulangan untuk ulang semua lagu, ulang lagu semasa atau matikan pengulangan.
	Ketik untuk menambah lagu pada kegemaran anda.
	Ketik untuk membuka senarai main semasa.
	Ketik untuk mengakses Cari, Tambah pada senarai main, Padam, Kongsi, Setkan sebagai nada dering, Video Muzik, Butiran atau Tetapan .

Untuk menukar volum sambil mendengar muzik, tekan kekunci volum ke atas dan bawah pada sebelah belakang telefon.

Sentuh dan tahan sebarang lagu di dalam senarai. Pilihan **Main, Tambah pada senarai main, Padam, Padam, Kongsi, Setkan sebagai nada dering, Butiran** dan **Cari** akan dipaparkan.





NOTA:


- Sesetengah format fail tidak disokong, bergantung kepada perisian peranti.
- Jika saiz fail melebihi memori yang ada, ralat akan berlaku apabila anda membuka fail.

NOTA: Hak cipta fail muzik mungkin dilindungi oleh perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional.






Oleh itu, kebenaran atau lesen mungkin perlu diperoleh untuk mengeluarkan semula atau menyalin muzik. Dalam sesetengah negara, undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan berhak cipta. Sebelum memuat turun atau menyalin fail, semak undang-undang nasional negara yang berkenaan mengenai penggunaan bahan sedemikian.

Menetapkan penggera anda






- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Jam** > .
- 2 Tetapkan masa penggera yang diinginkan.
- 3 Tetapkan **Ulang**, **Tempoh tunda**, **Getaran**, **Nada penggera**, **Volum penggera**, **Pemula aplikasi Auto**, **Kunci teka-teki** dan **Memo**.
- 4 Ketik **Simpan** untuk menyimpan penggera.

NOTA: Untuk menukar tetapan penggera dalam skrin senarai penggera, ketik **Kekunci Menu**  dan pilih **Tetapan**.

Menggunakan kalkulator anda

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Kalkulator**.
- 2 Sentuh kekunci nombor untuk memasukkan nombor.
- 3 Untuk pengiraan mudah, ketik fungsi yang anda kehendaki ($+$, $-$, \times atau \div) diikuti dengan $=$.
- 4 Untuk pengiraan yang lebih rumit, ketik **Kekunci Menu**  dan pilih **Kalkulator saintifik**, kemudian pilih fungsi yang diinginkan.
- 5 Untuk menyemak sejarah, ketik **Kekunci Menu** .

Menambah acara pada kalendar anda


- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Kalendar**.
- 2 Ketik  dan pilih daripada **Hari**, **Minggu**, **Bulan**, **Tahun** atau **Agenda** untuk menukar paparan bulan.
- 3 Ketik pada tarikh yang anda ingin tambahkan acara dan ketik .
- 4 Ketik **Nama acara** dan masukkan nama acara tersebut.
- 5 Ketik **Lokasi** dan masukkan lokasi. Semak tarikh dan masukkan masa mula dan tamat acara.


- 6 Jika anda ingin mengulang semula penggera, tetapkan **ULANG**, dan tetapkan **PERINGATAN**, jika perlu.
- 7 Sentuh **Simpan** untuk menyimpan acara dalam kalendar.

Perakam suara


Gunakan perakam suara untuk merakamkan memo suara atau fail audio yang lain.

Merakam bunyi atau suara

- 1 Ketik  >  tab **Apl** >  **Perakam suara**.
- 2 Ketik  untuk memulakan rakaman.
- 3 Ketik  untuk menamatkan rakaman.
- 4 Ketik  untuk mendengar rakaman.

NOTA: Ketik  untuk mengakses album anda. Anda boleh mendengar rakaman yang disimpan. Masa rakaman yang tersedia mungkin berbeza daripada masa rakaman sebenar.

Menghantar rakaman suara

- 1 Sebaik sahaja anda telah selesai merakam, anda boleh menghantar klip audio dengan mengetik .
- 2 Pilih dari sebarang kaedah yang tersedia untuk perkongsian.

Tugas

Tugas ini boleh disegerakkan dengan akaun MS Exchange. Anda boleh mencipta tugas, menyemaknya dan memadamkannya dalam MS outlook atau MS Office Outlook Web Access.

Untuk Menyegerakkan MS Exchange

- 1 Dari Skrin Utama, Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan**.

Utiliti

- 2 Ketik tab **Umum** > **Akuan & selari** > **Tambah akaun**.
- 3 Ketik **Microsoft Exchange** untuk mencipta Alamat e-mel dan Kata Laluan.
- 4 Pastikan anda menambah tanda semak pada tugas Segerakkan.

NOTA: MS Exchange mungkin tidak disokong bergantung pada pelayan e-mel.

Google+

Gunakan aplikasi ini untuk kekal berhubung dengan orang lain melalui perkhidmatan rangkaian sosial Google.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  folder **Google** >  **Google+**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

Carian Voice

Gunakan aplikasi ini untuk membuat carian laman web menggunakan suara.

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  folder **Google** >  **Carian Voice**.
- 2 Sebut kata kunci atau ungkapan apabila **Sebutkan sekarang** muncul pada skrin. Pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

MUAT TURUN

Gunakan aplikasi ini untuk melihat fail mana yang telah dimuat turun melalui aplikasi.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **MUAT TURUN**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung pada wilayah atau pembekal khidmat.

ThinkFree Viewer

ThinkFree Viewer ialah penyelesaian pejabat mudah alih profesional yang membolehkan pengguna melihat pelbagai jenis dokumen Office dengan mudah, termasuk fail Word, Excel dan PowerPoint di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa, menggunakan peranti mudah alih mereka.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **ThinkFree Viewer**.

Radio FM

Telefon anda mempunyai radio FM terbina dalam agar anda boleh mendapatkan stesen kegemaran anda dan mendengarnya dalam perjalanan.

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **Radio FM**.

Internet







Gunakan aplikasi ini untuk melayari Internet. Pelayar memberikan anda dunia permainan, muzik, berita, sukan, hiburan, dan banyak lagi yang pantas dan penuh warna-warni, terus pada telefon mudah alih anda, di mana sahaja anda berada dan apa sahaja yang anda minati.

NOTA: Caj tambahan akan dikenakan semasa menyambung pada perkhidmatan ini dan memuat turun kandungan. Semak caj data dengan pembekal rangkaian anda.

1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Internet**.

Menggunakan bar alat Web

Ketik dan luncurkannya ke atas menggunakan jari anda untuk membuka.

	Ketik untuk ke belakang satu halaman.
	Ketik untuk pergi ke hadapan satu halaman, ke halaman yang anda sambungkan selepas halaman semasa. Ini adalah berlawanan dengan apa yang berlaku apabila anda mengetik  , yang membawa anda ke halaman sebelumnya.
	Ketik untuk pergi ke halaman Utama.
	Ketik untuk menambah tetingkap baru.
	Ketik untuk mengakses penanda buku.

Melihat halaman web


Ketik medan alamat, masukkan alamat web dan ketik **Pergi**.

Membuka halaman

Untuk pergi ke halaman baru, ketik  → .

Untuk pergi ke laman web yang lain, ketik , tatal ke atas atau ke bawah, dan ketik halaman ini untuk memilihnya.

Membuat carian web menggunakan suara

Ketik medan alamat, ketik , sebutkan kata kunci, lalu pilih salah satu kata kunci cadangan yang muncul.



NOTA: Ciri ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat anda.

Penanda Buku

Untuk menanda buku laman web semasa, ketik  > **Tambah pada penanda buku** > **Pilih**.

Untuk membuka halaman web yang ditandai, ketik  dan pilih satu.

Sejarah

Ketik  > **Sejarah** untuk membuka laman web daripada senarai laman web yang baru dilawati. Untuk mengosongkan semua sejarah, ketik  → **Ya**.

Chrome

Gunakan Chrome untuk membuat carian maklumat dan melayari laman web.

1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Chrome**.

NOTA: Aplikasi ini mungkin tidak tersedia bergantung kepada wilayah atau pembekal khidmat anda.

Melihat halaman web

Ketik medan Alamat, lalu masukkan alamat web atau kriteria carian.

Membuka halaman

Untuk pergi ke halaman yang baru, ketik  → **+** **New tab**.

Untuk pergi ke laman web yang lain, ketik , tatal ke atas atau ke bawah, dan ketik halaman ini untuk memilihnya.



Menyegerak dengan peranti lain

Segerakkan tab dan penanda buku terbuka yang hendak digunakan dengan Chrome pada peranti lain semasa anda sedang log masuk dengan akaun Google yang sama.

Untuk melihat tab yang terbuka pada peranti lain, ketik **Kekunci Menu**  → **Recent tabs**.

Pilih laman web yang hendak dibuka.

Menambah dan melihat penanda buku

Untuk menambah penanda buku, ketik **Kekunci Menu**  > .

Untuk membuka laman web yang ditanda penanda buku, ketik **Kekunci Menu**  > **Bookmarks** dan pilih halaman yang diingini.

Tetapan

Bahagian ini memberikan gambaran tentang item yang anda boleh tukar menggunakan menu Tetapan sistem telefon anda. **Untuk mengakses menu Tetapan:**

Ketik , sentuh dan tahan **Kekunci Aplikasi Terbaru**  dan pilih **Tetapan sistem**.

- atau -

Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan**.

Rangkaian

< Kad Dwi SIM >

Anda boleh mengkonfigurasi tetapan Dwi SIM.

Kad SIM 1 – Membolehkan anda menukar nama kad SIM dan ikon kad SIM untuk kad SIM 1.

Aktifkan slot 1 – Tanda semak untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan slot kad SIM 1.

Kad SIM 2 – Membolehkan anda menukar nama kad SIM dan ikon kad SIM untuk kad SIM 2.

Aktifkan slot 2 – Tanda semak untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan slot kad SIM 2.

Tema warna kad SIM – Membolehkan anda memilih warna kegemaran anda.

Kos menyimpan mod – Setiap kenalan ditambah bersama-sama SIM yang diperuntukkan semasa ditambah ke buku telefon. Semasa Panggilan, SIM operator yang sepadan dikenal pasti dan operasi diselesaikan menggunakan SIM operator yang sepadan. Ini mungkin dapat menggunakan manfaat daripada menggunakan operator sama.

NOTA: Mod penjimatan kos tidak berfungsi semasa dalam panggilan.

Data mudah alih – Tanda semak untuk mendayakan akses data melalui rangkaian mudah alih.

Tetapan

Kad SIM hendak digunakan – Anda boleh menukar rangkaian data lalai. Semua perkhidmatan paket mudah alih (Web, MMS, E-mel, dsb) akan menggunakan SIM yang dipilih sebagai rangkaian asalan. Apabila hanya satu kad SIM dimasukkan, rangkaian asalan data dipilih sebagai SIM yang dimasukkan dan penukaran tidak dibenarkan.





NOTA: Apabila mod pesawat dihidupkan, tetapan dwi SIM akan dinyahdayakan.

< Wi-Fi >

Wi-Fi - Menghidupkan Wi-Fi untuk menyambung ke rangkaian Wi-Fi.

PETUA! Bagaimana untuk mendapatkan alamat MAC

Untuk menyediakan sambungan dalam sesetengah rangkaian wayarles dengan penapis MAC, anda mungkin perlu memasukkan alamat MAC telefon anda ke dalam penghala.

Anda boleh mendapatkan alamat MAC dalam antara muka pengguna yang berikut: ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Rangkaian** > **Wi-Fi** >  > **Lanjutan Wi-Fi** > **Alamat MAC**.

< Bluetooth >

Hidupkan ciri wayarles Bluetooth untuk menggunakan Bluetooth.

< Data mudah alih >

Memaparkan penggunaan data dan menetapkan had penggunaan data mudah alih.

< Tetapan panggilan >

Konfigurasikan tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

[Tab **Kad SIM 1/Kad SIM 2**]

Mel suara – Membolehkan anda memilih perkhidmatan mel suara yang disediakan oleh pembawa rangkaian anda.

Nombor Dailan Tetap – Hidupkan dan kumpulkan senarai nombor yang boleh dihubungi daripada telefon anda. Anda akan memerlukan PIN2 anda, yang boleh didapati daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Pemajuan panggilan – Pilih sama ada anda ingin mengalih semua panggilan semasa talian sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila isyarat tiada.

Sekatan panggilan – Kunci panggilan masuk, keluar atau antarabangsa.

Tempoh Panggilan – Lihat tempoh panggilan termasuk Panggilan terakhir, Panggilan keluar, Panggilan masuk dan Semua panggilan.

Tetapan tambahan – Ini membolehkan anda menukar tetapan yang berikut:

ID Pemanggil: Pilih sama ada hendak memaparkan nombor telefon anda pada panggilan keluar.

Panggilan menunggu: Jika panggilan menunggu diaktifkan, telefon akan memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang menjawab panggilan lain (bergantung kepada pembekal rangkaian anda).

[Tab Biasa]

Pengalihan Smart – Membolehkan anda menerima panggilan SIM2 jika anda sibuk di SIM1 dan sebaliknya.

Kemasukan panggilan tetingkap timbul – Papar pop timbul panggilan masuk suara semasa aplikasi sedang digunakan.

Tolak panggilan – Membolehkan anda menetapkan fungsi tolak panggilan. Pilih daripada **Hubungi mod penolakan** atau **Menolak panggilan daripada**.

Tidak menerima dengan mesej – Apabila anda hendak menolak panggilan, anda boleh menghantar mesej pantas menggunakan fungsi ini. Ini amat berguna jika anda perlu menolak panggilan semasa mesyuarat.

Penyimpan Privasi – Menyembunyikan nama dan nombor telefon pemanggil bagi panggilan masuk.

Tetapan

Jawab secara automatik – Tetapkan masa sebelum peranti bebas tangan yang bersambung menjawab panggilan masuk secara automatik. Pilih daripada **Mati, 1 Saat, 3 saat dan 5 saat**.

Getaran penyambungan – Telefon anda bergetar semasa pihak yang dihubungi menjawab panggilan.

Simpan nombor tidak dikenali – Menambah nombor tidak diketahui ke dalam kenalan selepas panggilan.

Kekunci kuasa tamatkan panggilan – Membolehkan anda memilih butang untuk menamatkan panggilan anda.

< Kongsi & Bersambung >

LG PC Suite – Sambungkan LG PC Suite dengan telefon anda untuk Urus kandungan multimedia dan aplikasi dengan mudah.

< Penambat & Rangkaian >

Penambatan USB – Sambungkan kabel USB untuk berkongsi sambungan internet dengan komputer.

Wi-Fi hotspot – Membolehkan anda menggunakan peranti anda sebagai hotspot Wi-Fi untuk peranti lain menggunakan sambungan rangkaian mudah alih anda.

Tetapkan titik utama Wi-Fi: Tetapkan SSID dan kata laluan untuk hotspot Wi-Fi anda.

Tamat masa: Membolehkan anda untuk menetapkan masa selepas hotspot Wi-Fi dimatikan secara automatik.

Bluetooth ditambat – Membolehkan anda menetapkan telefon anda sama ada anda berkongsi sambungan Internet atau tidak.

Bantuan – Ketik untuk melihat maklumat bantuan bagi fungsi penambatan USB, hotspot Wi-Fi dan penambatan Bluetooth.

Mod pesawat – Selepas bertukar kepada Mod pesawat, semua sambungan wayarles akan dinyahdayakan.

VPN – Memaparkan senarai Rangkaian Peribadi Maya (VPN) yang telah anda konfigurasi sebelum ini. Membolehkan anda menambah jenis VPN yang berbeza.

Rangkaian mudah alih – Tetapkan pilihan untuk perayauan data, mod & operator rangkaian, nama pusat akses (APN), dsb.

Bunyi

< Profil bunyi >

Pilih Bunyi, sama ada **Bunyi**, **Getar sahaja** atau **Senyap**.

< Volum >

Laraskan tetapan volum telefon untuk disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran anda.

< Mod senyap >

Sediakan Mod Senyap anda. Ketik suis **Mod senyap** untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Anda boleh menjadualkan mod Senyap untuk diaktifkan secara automatik dan menetapkan pengecualian kepada mod Senyap anda.

Profil bunyi – Pilih bunyi, sama ada **Senyap** atau **Getar sahaja**.

Set masa – Pilih Tetapkan masa, sama ada **Sentiasa on** atau **Jadual**. Jika anda mengetik jadual, anda boleh menetapkan hari dan masa untuk menghidupkan Mod Senyap secara automatik.

Sekat LED pemberitahuan – Tanda semak untuk mematikan LED pemberitahuan.

Sekat penggera – Tanda semak untuk membolehkan skrin untuk tidak dihidupkan dan tiada bunyi penggera.

Menyekat panggilan masuk – Tanda semak untuk membenarkan atau menyekat panggilan masuk daripada kenalan tertentu.

Tetapan panggilan masuk

Auto-menjawab panggilan yang disekat. – Tetapkan cara anda ingin membalas secara automatik kepada panggilan disenyapkan.

Benarkan panggilan berulang – Tanda semak untuk membenarkan panggilan berulang dalam 3 minit.

Tetapan

Senarai kenalan yang dibenarkan – Tentukan panggilan kenalan yang dibenarkan.
Bantuan – Paparkan maklumat tetapan mod Senyap.

< SIM1/SIM2 Ringtone >

Tetapkan nada dering untuk panggilan. Anda juga boleh menambah nada dering dengan mengetik  di sudut atas sebelah kanan skrin.

< SIM1/SIM2 Bunyi Pemberitahuan >

Tetapkan bunyi pemberitahuan. Anda juga boleh menambah bunyi pemberitahuan dengan mengetik  di sudut atas sebelah kanan skrin.

< Nada dering dengan getaran >

Tanda semak untuk menetapkan telefon bergetar di samping nada dering apabila anda menerima panggilan.

< SIM1/SIM2 Jenis getaran >

Tetapkan jenis getaran.

< Getar apabila diketik >

Tanda semak untuk bergetar apabila mengetik butang sentuh Utama dan semasa interaksi UI yang lain.

< Kesan bunyi >

Ketik untuk menetapkan nada sentuh pad dail, bunyi sentuh dan bunyi kunci skrin.

Nada sentuh pad dail – Tanda semak untuk memainkan nada semasa menggunakan pad dail.

Sentuh bunyi – Tanda semak untuk memainkan bunyi apabila membuat pilihan skrin.

Bunyi kunci skrin – Tanda semak untuk memainkan bunyi apabila mengunci dan membuka kunci skrin.

< Pemberitahuan suara mesej/panggilan >

Ketik suis **Pemberitahuan suara mesej/panggilan** untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Jika dihidupkan, telefon anda akan memaklumkan dengan kuat untuk panggilan dan/atau mesej masuk secara automatik.

Paparan

< Skrin utama >

Pilih utama – Tetapkan **Rumah** atau **EasyHome** sebagai skrin utama lalai.

Tema – Tetapkan tema skrin untuk peranti anda. Anda boleh memuat turun daripada **LG SmartWorld**.

Kertas dinding – Tetapkan kertas dinding untuk digunakan pada Skrin utama anda. Pilih daripada **Galeri**, **Galeri kertas hias dinding**, **Kertas hias dinding secara langsung** atau **Photos**.

Efek skrin – Tetapkan pilihan kesan leret skrin. Pilih daripada **Pdm semua**, **Angin**, **Akordian**, **Panorama**, **Karusel**, **Lapisan** atau **Domino**.

Benarkan menggelung skrin Utama – Tanda semak untuk membenarkan penatalan berterusan Skrin utama (gelung kembali ke skrin pertama selepas skrin terakhir).

Sokongan & Pengekalan Utama – Tetapkan untuk membuat sandaran dan memulihkan tata letak aplikasi dan kertas dinding Utama.

Bantuan – Paparkan maklumat mengenai item Skrin utama dan fungsi.

< Skrin kunci >

Pilih skrin kunci – Tetapkan jenis skrin kunci untuk menjamin keselamatan telefon anda. Membuka beberapa skrin yang membantu anda melalui lukisan corak buka kunci skrin. Tetapkan **Tiada**, **Seret**, **Membuka kunci Muka**, **Knock Code**, **Corak**, **PIN** atau **Kata laluan**.

Jika anda telah mendayakan jenis kunci Corak semasa anda menghidupkan telefon anda atau membangunkan skrin, anda akan diminta untuk melukis corak buka kunci anda untuk membuka kunci skrin.

Kertas Dinding – Tetapkan kertas dinding Skrin kunci anda. Pilih dari **Galeri** atau **Galeri kertas hias dinding**.

Widget – Tanda semak untuk memaparkan widget pada Skrin kunci.

Panggilan tak dijawab & Mesej-mesej baru – Tunjukkan pemberitahuan panggilan tak dijawab dan mesej baru di Skrin kunci.

Tetapan

Jalan pintas – Membolehkan anda untuk menukar pintasan pada **Seret** Skrin kunci.

Maklumat hubungan untuk telefon hilang – Tunjukkan maklumat hubungan pada Skrin kunci sekiranya telefon anda hilang.

Kunci pemasa – Tetapkan jumlah masa sebelum skrin terkunci secara automatik selepas skrin tamat masa.

Butang kuasa segera mengunci – Tanda semak untuk mengunci skrin dengan segera apabila Kekunci Kuasa/Kunci ditekan. Tetapan ini akan membatalkan tetapan Pemasa kunci keselamatan.

< Bebutang sentuh Rumah >

Tetapkan Kunci Sentuh Utama yang dipaparkan di bahagian bawah semua skrin.

Tetapkan apa yang dipaparkan, kedudukannya di bar dan bagaimana ia kelihatan. Pilih

Kombinasi bebutang, Warna, dan Latar belakang telus.

< Jenis font >

Tetapkan jenis fon yang digunakan untuk telefon dan menu.

< Saiz fon >

Tetapkan saiz fon yang dipaparkan di telefon dan menu.

< Kecerahan >

Laraskan kecerahan skrin. Untuk prestasi bateri terbaik, gunakan kecerahan termalap yang selesa.

< Pemberitahuan LED >

Ketik suis untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Jika dihidupkan, akan mengaktifkan lampu LED untuk pemberitahuan yang anda tanda semak.

< Skrin auto putar >

Tanda semak untuk menetapkan telefon secara automatik memutar skrin berdasarkan orientasi telefon (potret atau landskap).

< Masa tamat skrin >

Tetapkan jumlah masa sebelum skrin tamat masa.

< Kesan luar skrin >

Menetapkan kesan skrin mati. Pilih daripada **TV Retro**, **Lubang Gelap** dan **Resap lenyap**.

< Mimpi Hari >

Ketik suis Daydream untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Dihidupkan, membolehkan set gambar skrin dipaparkan apabila telefon sedang tidur semasa dok dan/atau mengecas. Pilih daripada **Jam** dan **Google Photos**.

Umum

< Bahasa & input >

Gunakan tetapan Bahasa & input untuk memilih bahasa bagi teks pada telefon anda dan untuk mengkonfigurasi papan kekunci atas skrin, termasuk perkataan yang telah anda tambahkan pada kamusnya.

Bahasa – Menetapkan bahasa untuk digunakan pada telefon anda.

Asalan – Menetapkan papan kekunci pada skrin lalai digunakan semasa memasukkan teks.

Papan Kekunci LG – Tanda semak untuk memilih Papan Kekunci LG bagi memasukkan data. Ketik ikon Tetapan untuk menukar tetapan yang berikut:

Inputkan bahasa dan susun atur papan kekunci – Tetapkan bahasa papan kekunci dan aksara.

Ketinggian dan tataletak papan kekunci – Peribadikan papan kekunci anda.

Input laluan – Tanda semak untuk memasukkan perkataan dengan melukis laluan melalui semua huruf.

Tunjukkan cadangan perkataan – Tanda semak untuk menunjukkan perkataan melalui ramalan teks.

Pembetulan auto – Tetapkan tahap anda untuk pembetulan perkataan automatik. Pilih daripada **Mati**, **Sederhana**, **Sederhana** dan **Agresif**.

Tetapan

Kemas kini cadangan perkataan – Gunakan Leret Sambung untuk memberikan lebih cadangan perkataan. Untuk menggunakan ciri ini, sila terima Hak Perjanjian.

Tetapan tambahan – Tetapkan tetapan lanjutan.

Bantuan – Ketik Bantuan untuk maklumat lanjut.

Penaipan Google Voice – Tanda semak untuk memilih taipan suara Google untuk memasukkan data. Ketik ikon Tetapan untuk menukar tetapan suara Google.

Carian Suara – Menetapkan pilihan carian suara.

Bahasa – Menetapkan carian Google dengan bahasa suara.

Output pertuturan – Menetapkan bila untuk menggunakan output pertuturan. Pilih dari **Hidup**, **Bebas tangan sahaja** dan **Mati**. Untuk menghidupkan output pertuturan hanya apabila anda mempunyai set kepala yang disambungkan ke telefon anda, pilih Bebas tangan sahaja.

Pengesanan “Ok Google” – Hidupkan ciri ini untuk memulakan aplikasi Carian Google hanya dengan menyebut “OK Google”.

Pengecaman pertuturan luar talian – Menetapkan satu atau lebih bahasa tambahan untuk pengecaman pertuturan apabila anda tidak mempunyai sambungan rangkaian.

Sekat perkataan yang menyinggung – Tanda semak untuk menyembunyikan hasil suara kesat.

Set kepala Bluetooth – Tanda semak untuk merakam audio melalui set kepala Bluetooth disambungkan.

Output teks-ke-ucapan – Menetapkan enjin pertuturan dan ucapan pada kadar yang diutamakan (sangat lambat kepada sangat cepat). Turut memainkan demonstrasi ringkas sintesis pertuturan.

Kelajuan petunjuk – Menetapkan kelajuan penunjuk pada bar slaid.


< Lokasi >

Hidupkan perkhidmatan lokasi, telefon anda menentukan lokasi anggaran anda menggunakan rangkaian GPS, Wi-Fi dan mudah alih.

Mod – Tetapkan mod lokasi daripada **Ketepatan tinggi (GPS dan rangkaian)**, **Menjimatkan bateri (Rangkaian sahaja)** dan **Pengesan peranti sahaja (GPS sahaja)**.

Carian Google – Ketik untuk menyemak maklumat aplikasi **Carian Google**.

Kamera – Tanda semak untuk tag foto atau video dengan lokasi mereka.

Pelaporan Lokasi Google – Pilih sama ada untuk menghidupkan atau mematikan pilihan **Pelaporan Lokasi Google**. Untuk maklumat lanjut, ketik  > **Bantuan**.

< Akaun & selari >

Membolehkan aplikasi menyejajarkan data di latar belakang, tanpa mengira sama ada anda sedang mengerjakannya secara aktif atau tidak. Membuang tanda semak pada tetapan ini boleh menjimatkan kuasa bateri dan menurunkan (tetapi tidak menghapuskan) penggunaan data.

< Kebolehcapaian >

Meningkatkan kebolehcapaian untuk pengguna yang cacat penglihatan, pendengaran atau berkurangan ketangkasan.

TalkBack – Membolehkan anda menyediakan fungsi TalkBack yang membantu mereka yang cacat penglihatan dengan memberi maklum balas lisan.

Saiz font – Tetapkan saiz fon.

Sentuh zum – Membolehkan anda mengezum masuk dan keluar dengan mengetik skrin tiga kali.

Pemberitahuan suara mesej/panggilan – Ketik suis Pemberitahuan mesej/panggilan suara untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Jika dihidupkan, membolehkan anda mendengar isyarat automatik untuk panggilan masuk dan mesej.

Gelap skrin – Tanda semak bagi memalapkan lampu latar skrin untuk mengurangkan kontras.

Tetapan

Pintasan kebolehcapaian – Membolehkan anda untuk membuka ciri Kebolehcapaian dengan cepat pada mana-mana skrin.

Output teks-ke-ucapan – Ketik untuk menyesuaikan tetapan teks kepada ucapan (TTS).

Jenis audio – Menetapkan jenis audio. Pilih **Mono** atau **Stereo**.

Keseimbangan bunyi – Salurkan bunyi melalui kedua-dua saluran kanan dan kiri apabila alat dengar disambungkan. Untuk menetapkan laluan audio secara manual, gerakkan peluncur pada bar luncurimbangan bunyi untuk menetapkannya.

